



Dr Mahathir mempengerusikan Mesyuarat JKKMAR yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan AntiRasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Tolak LGBT, kahwin sejenis

Berita HORIZON 22/09/2018 MS 02

→ Sistem nilai di Malaysia tak sama negara Barat: PM

Oleh Azura Abas, Manirajan Ramasamy, Mohd Husni Mohd Noor dan Zanariah Abd Mutalib
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak boleh menerima semua perkara yang dianggap sebagai hak asasi manusia oleh Barat termasuk lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT)

serta perkahwinan sejenis.

Perdana Menteri berkata, sistem nilai di negara ini tidak sama dengan sistem nilai di negara Barat yang lebih bebas.

“Walaupun kita menerima cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), kita perlu mengingatkan mereka bahawa sistem nilai kita tidak sama dengan sistem Barat.

“Di Malaysia ada perkara tertentu yang kita tidak boleh terima walaupun sekarang dianggap sebagai hak asasi manusia di negara Barat.

“Kita tidak boleh terima umpamanya LGBT, perkahwinan antara lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai AntiRasuah (JKKMAR) Siri 4 2018 di Bangunan Perdana

Putra, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, konsep keluarga di negara ini masih kekal iaitu membabitkan lelaki dan wanita serta anak atau anak angkat, manakala perkahwinan sejenis tidak diiktiraf sebagai keluarga.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat JKKMAR bersetuju dengan syor supaya Akta Suhakam dipinda bagi memperkasakan suruhanjaya itu.

Tingkat kuasa SUHAKAM

Beliau berkata, pindaan itu termasuk meningkatkan kuasa SUHAKAM dalam aspek penguatkuasaan dan mengadakan ‘mediation’.

Dr Mahathir berkata, SUHAKAM juga memohon supaya laporan tahunannya dibahaskan di Parlimen.

Sementara itu, Dr Mahathir

berkata, mesyuarat juga bersetuju dengan permintaan Kementerian Luar supaya tidak lagi lantikan politik untuk menjadi duta ke luar negara.

“Tidak ada lantikan politik untuk mereka yang sudah bersara diberikan anugerah jawatan duta. Kita tidak membenarkannya.

“Ini tindakan keras yang bertentangan dengan kita kerana sudah tentu banyak ahli dari parti kerajaan yang masih menjalani hidup sebagai duta,” katanya.

Dr Mahathir berkata, mana mana duta lantikan politik ketika ini akan ditamatkan perkhidmatan dan dipanggil balik

→ Syor selaras enakmen syariah cegah transgender - Ms.4